

Mohd Nadzri terima kunjungan Pengarah UMSKAL

N S T 31.10.2013 9

LABUAN : Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Mohd Nadzri Osman menerima kunjungan hormat Pengarah Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Prof Madya Dr Ismail Ali di Wisma Perbadanan Labuan, baru-baru ini.


Turut hadir Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Jabatan Hal Ehwal Korporat Perbadanan Labuan, Jah Murniawaty Markum.

Rombongan UMS-KAL disertai Timbalan Pengarah, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal, Penolong Pendaftar Kanan (Pentadbiran), Sharifah Ismail dan Penolong Bendahari Kanan, Muhamirah Muchlis.

Hadir sama Penolong Pendaftar Bahagian Perkhidmatan Akademik, Roslianah Opao, Pegawai Belia dan Sukan, Gabriel Moinjil dan Penolong Jurutera Kanan, Mohd Azrie Ag Tangjong.

Dr Ismail berkata kunjungan hormat itu bertujuan untuk menyampaikan salam dan ucapan tahniah daripada Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah atas pelantikan Datuk Mohd Nadzri sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan yang baru.

Dr Mohd Harun berharap hubungan baik yang sedia terjalin antara Perbadanan Labuan dengan UMS akan berkekalan dan berterusan untuk ke-



BINCANG....Mohd Nadzri (kiri) mengadakan perbincangan dengan Dr Ismail (dua kanan) dan Dr Geoffrey di Wisma Perbadanan Labuan sempena kunjungan tersebut.

baikan kedua-dua pihak.

Ismail turut memaklumkan UMSKAL dengan kerjasama Perbadanan Labuan akan mengadakan Majlis Perarakan Berjubah Graduan 2013 pada 16 November depan dari Menara Perbadanan Labuan ke Dataran Labuan bermula pukul 8.30 pagi.

Katanya, UMSKAL akan menjemput Ahli Parlimen Labuan, Rozman Isli yang juga Pengurus Perbadanan Labuan bersama Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Yunus Kurus merangkap

Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan sebagai tetamu kehormat program tahunan itu.

"UMSKAL juga akan mengadakan program Tamu Gadang pada 13 hingga 17 November depan yang menyajikan pelbagai acara menarik seperti sukan, kebudayaan, keagamaan, pameran pendidikan dan juga gerai jualan serta pameran kendaraan dan motosikal berkuasa tinggi," katanya. -OLEH JAINUDIN DJIMIN jainudin@newsabah-times.com.my